

08/07/2002

Najib paling layak: Dr M (HL)

Manja Ismail

BANGKOK, Ahad - Datuk Seri Najib Tun Razak disebut sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri kerana Menteri Pertahanan itu adalah calon paling layak dari segi kekananan dan pengalaman dalam kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berpendapat soal sama ada beliau berlaku adil kepada orang lain atau sebaliknya, tidak timbul kerana tujuannya ialah memastikan proses peralihan kuasa sehingga Oktober tahun depan berjalan selancar mungkin.

Beliau juga tidak berasa terikat apabila menyebut nama Najib kerana asasnya berbuat demikian semata-mata supaya tidak ada perebutan untuk jawatan itu dan Najib pula adalah paling kanan (antara Naib Presiden Umno).

Menjawab soalan pada sidang akhbar di akhir lawatannya ke Thailand di sini hari ini, Dr Mahathir bagaimanapun mengakui ketika dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dulu, beliau sendiri bukan Naib Presiden kanan.

"Saya ketika itu paling junior, tapi itu budi bicara Datuk Hussein (Onn). Tapi saya nampak dalam kes ini... yang ternampak, the best candidate dari segi seniority dan juga dari segi pengalaman dalam kerajaan ialah Datuk Seri Najib," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan, ketika menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya, beliau menggunakan asas yang sama.

"Saya boleh pilih orang lain, tetapi saya pilih Datuk Abdullah," katanya.

Dr Mahathir pertama kali menyebut kemungkinan Najib menjadi Timbalan Perdana Menteri pada majlis perjumpaan dengan Jawatankuasa Umno Bahagian Kubang Pasu di Putrajaya, Rabu lalu.

Pada sidang akhbar selepas merasmikan upacara peletakan batu asas Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu di Paya Kemuning, Jitra, dua hari selepas itu pula Perdana Menteri berkata beliau tidak membantah jika Najib dipilih.

Presiden Umno itu juga mengesahkan pemilihan parti tahun depan ditangguhkan sehingga selepas pilihan raya umum dan kerana itu kedudukan sebagai timbalan kepada Abdullah belum boleh disahkan.

"Jadi kita kena tunggu pemilihan parti baru boleh sahkan. Saya sendiri tunggu sampai pemilihan parti," katanya sambil merujuk kepada pelantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dulu tetapi tidak dilantik sebagai pemangku Timbalan Presiden Umno.

"Apabila pemilihan, baru saya disahkan sebagai Timbalan Presiden. Proses itu bukanlah tertulis dalam perlembagaan. Cuma amalan kita saja. Saya tak tahulah... ini sebenarnya tanggungjawab bakal Presiden, dia fikir sendiri bagaimana nak buat," katanya.

Mengenai cadangan supaya bakal Timbalan Perdana Menteri dinamakan secara rasmi sebagai sebahagian proses peralihan kuasa sekarang, Dr Mahathir berkata ia perlu dikaji kerana amalan seumpamanya belum pernah dilakukan.

Dr Mahathir, yang mengakui ada beberapa pemimpin Umno kecewa dengan tindakannya menamakan Najib, meminta supaya tidak berlaku lagi perebutan kerana kekosongan jawatan itu hanya satu.

"Ada sesetengah orang, dia akan jadi walaupun ada tiga empat orang yang sama layak. Kita hanya ada satu jawatan. Jadi akan ada tiga empat orang yang kecewa.

"Dalam kerajaan pun begitu, kita pilih Ketua Setiausaha Negara atau

Ketua Setiausaha di kementerian umpamanya. Ia bukan bermakna dia seorang saja yang layak. Banyak lagi layak tapi cuma ada satu jawatan. Kita pilihlah dan yang lain kena terima," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak mahu Malaysia menjadi seperti sesetengah negara di mana ketua angkatan tenteranya bertukar sehingga dua kali setahun semata-mata kerana mahu memberi tempat kepada ramai orang yang layak dan kesannya pentadbiran tidak berjalan lancar.

Beliau mengingatkan, jawatan itu bukan untuk kegunaan individu, tetapi bagi berkhidmat kepada negara. Oleh itu, mereka yang dilantik memerlukan tempoh lama.

"Saya duduk 21 tahun dan kecewakan berapa ramai orang. Kalau saya duduk dua atau tiga tahun lepas tu tukar orang lain, kita jadi macam Jepun yang menukar Perdana Menteri dua tahun sekali.

"Tetapi kita bukan seperti itu. Selepas 44 tahun merdeka, Malaysia hanya mempunyai empat Perdana Menteri. Jadi saya harap tiada perebutan," katanya.